

EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN

MOHD YUSNI ARIFFIN | BERITA HARIAN



KEADAAN Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang, selepas banjir semalam.



MANGSA banjir mengeluarkan perabot dan peralatan eletrik yang musnah dalam kejadian di Lembah Jaya Utara, Ampang, semalam.

Banjir terburuk dalam tempoh 40 tahun

2,500 mangsa dipindah ke pusat pemindahan

KUALA LUMPUR: Lebih 2,500 mangsa banjir di sekitar Lembah Klang dan beberapa negeri di Pantai Barat Semenanjung, ditempatkan di pusat pemindahan selepas kediaman mereka dinaiki air berikutan hujan lebat berpanjangan sejak petang kelmarin.

Jumlah itu termasuk 1,545 mangsa banjir di Hulu Langat dan Ampang yang dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan.

Seramai 1,120 penduduk Hulu Langat antaranya dipindahkan di Dewan Datuk Ahmad Razali, Balai Penghulu Batu dan Sekolah Kebangsaan Sungai Serai manakala 425 penduduk Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang pula dipindahkan ke Surau Ihsaniah, Kampung Lembah Jaya.

Banjir paling buruk sejak 40 tahun lalu di kedua-dua daerah terbabit memusnahkan sebahagian besar harta benda yang dianggarkan mencecah jutaan ringgit, selain dokumen penting seperti sijil kelahiran, geran tanah dan kenderaan serta kad pengenalan.

Penduduk Hulu Langat yang ditemui mendakwa kejadian berpunca daripada hujan lebat hampir tujuh jam sejak 4.30 petang menyebabkan air dari Empangan Sungai Langat melimpah ke kawasan perumahan.

Jurucakap Puncak Niaga Sdn Bhd (Puncak Niaga) berkata, empangan berkenaan berfungsi mela-

lui sistem limpahan automatik sekiranya paras air melebihi paras bahaya 220.96 meter (m).

"Paras air di Empangan Sungai Langat tengah malam kelmarin, mencatat bacaan tertinggi dalam tempoh dua tahun, iaitu 221.27m mengakibatkan 'overflow' pada takungan, sekali gus menyebabkan limpahan air," katanya.

Pengarah Jabatan Pengairan Saliran Selangor, Ab Qahar Osman, berkata stesen telemetrik di Bukit Antarabangsa, Ampang, petang kelmarin semalam, menunjukkan bacaan hujan sebanyak 164 milimeter (mm), melebihi kadar biasa di bawah paras 100mm.

Lagi gambar banjir di SKUAD muka 25



JAMBATAN menghubungkan Kampung Lembah Jaya Utara ke Kampung Bukit Sungai Puteh runtuh akibat banjir, semalam.

Sementara itu, 174 keluarga dipindahkan sementara ke Dewan Orang Ramai Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru di sini, malam kelmarin sebelum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing jam 12.30 tengah malam, hari sama.

DBKL menerima 24 aduan membabitkan 15 kawasan banjir kilat termasuk Lorong Rhu Pertama, Ampang Hilir; Pesisiran Mangga, Ampang Hilir; PPR Hiliran Ampang; Datuk Keramat dan Jalan Li-

mau Kasturi, Bangsar.

Di ALOR SETAR, seramai 112 mangsa dari 31 keluarga di Kubang Pasu dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Masjid Sungai Laka, Bukit Kayu Hitam, serta 10 mangsa dari tiga keluarga di Padang Terap ke Dewan Orang Ramai Kampung Perik, Kuala Nerang.

Di PERLIS, sekurang-kurangnya 34 keluarga dipindahkan sebuah surau di Kampung Rambai dekat Chuping.

Sistem banjir perlu diteliti semula: Muhyiddin

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu sistem pengurusan banjir di Lembah Klang diteliti semula dalam usaha memastikan ia berfungsi dengan berkesan, sekali gus mengelak kehilangan nyawa dan harta benda.

Timbalan Perdana Menteri meminta Kerajaan PKR Selangor bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan agensi berkaitan di Kuala Lumpur bagi mewujudkan penyelaraan terhadap sistem berkenaan.

"Kita kena lihat balik walaupun sudah ada langkah dibuat di sekitar Kuala Lumpur, termasuk pembinaan terowong SMART kerana apa

yang berlaku semalam (kelmarin) bukan saja membabitkan bandar raya ini tetapi juga di kawasan pinggir termasuk, Selangor.

"Penting bagi Kerajaan PKR Selangor mengambil kira situasi ini, kalau boleh mereka bincangkan dengan Kerajaan Pusat dan pihak bertanggungjawab di Wilayah Persekutuan supaya ada penyelarasan.

"Dalam situasi cuaca tidak menentu dan jumlah hujan yang tidak terduga dengan air terlalu banyak mungkin kapasiti saluran air tidak dapat menampungnya. Ini perlu dikaji semula," katanya selepas perasmian MyKomuter di Stesen Sen-

tul di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas kejadian banjir kilat akibat hujan lebat di sekitar Lembah Klang, malam kelmarin, sehingga menyebabkan lebih 230 rumah di Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang, musnah ditenggelami banjir.

Dalam kejadian itu, 1,350 mangsa banjir di daerah Hulu Langat turut terpaksa dipindahkan.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai penganugerahan projek Kinrara-Damansara Expressway bernilai RM2.2 bilion kepada seorang peguam UMNO, Timbalan

Perdana Menteri berkata, ia dibuat berdasarkan merit.

"Ia berdasarkan penilaian sewajarnya dan kertas kerja yang dikemukakan syarikat itu kepada kerajaan dan agensi berkaitan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan ia memenuhi penilaian itu.

"Tiada bezanya dengan syarikat konsesi lain yang dianugerahkan projek oleh kerajaan.

"Saya fikir ia berdasarkan merit. Saya tidak fikir kita perlu menafikan peluang mana-mana pihak jika mereka boleh menyumbang kepada penambahbaikan sistem pengangkutan," katanya.

Ribut dijangka sehingga April

KUALA LUMPUR: Ribut petir pada sebelah petang dijangka berterusan di sekitar Lembah Klang dalam tempoh beberapa hari akan datang dan kadangkala berlarutan hingga awal malam.

Jabatan Meteorologi melaporkan, keadaan itu disebabkan negara mengalami Monsun Peralihan bermula Mac sehingga lewat April.

"Ribut dan hujan dijangka berlaku sebelah petang dan malam di pantai barat Semenanjung Malaysia," katanya.



KEADAAN kedai runcit selepas banjir melanda Kampung Lembah Jaya Utara, kelmarin.

Bah bagaikan lautan

425 mangsa banjir di Ampang terpaksa dipindahkan

KUALA LUMPUR: "Saya terkejut apabila keluar bilik air di tingkat atas, seluruh tingkat bawah seperti lautan," demikian luahan mangsa banjir, Hassan Mohd Sharif, 47, mengenai kejadian banjir petang kelmarin.

Katanya, 20 minit sebelum itu beliau nampak air longkang depan rumahnya melimpah tetapi tidak terfikir akan berlaku banjir besar kerana ia biasa berlaku, lalu masuk ke bilik mandi untuk bersiap ke tempat kerja.

"Apabila keluar bilik mandi, saya terkejut air sudah naik sehingga dua meter. Saya terus redah air dan terus ke tempat tinggi berhampiran di mana penduduk lain sudah berkumpul menunggu bantuan," katanya ketika ditemui di Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang, semalam.

Kejadian itu mengakibatkan 425 mangsa yang mendiami 230 rumah di kampung itu dipindahkan selepas kediaman mereka ditenggelami air.

Hassan mendakwa kejadian banjir itu disebabkan air Sungai Bukit Belacan melimpah.

Katanya, sungai itu semakin cetek kerana tiada sebarang usaha untuk mendalamkannya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak beberapa tahun lalu.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil beramah mesra dengan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat, semalam.

Selain kehilangan barang berharga seperti mesin basuh, peti sejuk, mesin jahit, televisyen dan motosikal, semua peralatan persekolahan empat anaknya turut musnah. Pemandu lori, Mohd Faizal Ram-

li, 27, berkata banjir selain barangan berharga di dalam rumah, turut musnah semua dokumen penting seperti sijil kelahiran, geran, sijil pelajaran dan kad pengenalan.

'Anak tertimbus, tersepit sekelip mata'

TANAH MERAH: "Ketika hujan lebat terdengar dentuman kuat dan dalam sekelip mata separuh badan anak saya tertimbus serta tersepit di pintu belakang rumah," kata Raja Azlan Raja Hussin, 45, bapa kepada Raja Mohd Irfan, 13, yang maut dalam kejadian tanah runtuh di kuarters polis Jalan Belfields, Kuala Lumpur, malam kelmarin.

Menceritakan kejadian itu, Raja Azlan yang bekerja sebagai kakitangan awam di Jabatan Siasatan

Jenayah, Bukit Aman, berkata ketika hujan semakin lebat beliau mendapati sedikit lumpur sudah memasuki bahagian dapur belakang rumahnya.

Berikutan itu beliau meminta anak ketiga daripada lima beradik itu membantu mengemas barangan di dapur dan mengambil pakaian di jemuran.

"Ketika itu, tiba-tiba satu dentuman kuat kedengaran dan benteng di belakang rumah runtuh,

tapi saya sempat mengelak bagaimanapun anak saya tertimbus walaupun jarak antara kami kurang satu meter.

"Saya menarik tangan Raja Mohd Irfan daripada runtuhannya yang ketika itu sudah tertimbus paras dada hingga kepala tetapi tidak berjaya kerana bahu dan kepalanya tersepit di pintu dapur," katanya ketika ditemui di rumah keluarga isterinya di Kampung Bukit Merah di sini, semalam.

34 keluarga di dua daerah Kedah terpaksa berpindah

ALOR SETAR: Seramai 122 mangsa membabitkan 34 keluarga di dua daerah di Padang Terap dan Kubang Pasu dipindahkan ke pusat penempatan banjir selepas rumah mereka dinaiki air akibat hujan lebat sejak petang kelmarin.

Di **KUBANG PASU**, sebanyak 150 keluarga membabitkan 600 mangsa di sembilan kampung terjejas teruk selepas air naik sedalam satu meter.

Antara kawasan yang terjejas Taman Sayang, Kampung Belakang Pasar Changlun, Kampung Padang Pasir, Kampung Paya Lantau, Kampung Paya Naomi, Kampung Masjid, Kampung Titi Kerbau dan sekitar Pekan Lama Changlun.

Pengerusi Bencana Alam Daerah Kubang Pasu, Ahmad Fisol Md Nor, berkata sehingga jam 2 petang semalam, satu pusat pemindahan banjir dibuka di Dewan Orang Ramai Masjid Sungai Laka, Bukit Kayu Hitam.

Katanya, 31 keluarga memba-

bitkan 112 mangsa terpaksa dipindahkan ke pusat penempatan itu selepas rumah mereka dinaiki air.

"Setakat ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah membuka pusat pemindahan dan bantuan makanan turut disalurkan kepada mangsa," katanya semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pedu, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata 19 rumah di Kampung Perik, Kuala Nerang turut dinaiki air berpunca daripada limpahan air sungai.

Katanya, tiga keluarga membabitkan 10 mangsa termasuk bayi berusia tiga bulan di daerah Padang Terap terpaksa dipindahkan ke pusat penempatan di Dewan Orang Ramai Kampung Perik, Kuala Nerang.

Di **GEMAS**, seramai 189 orang dari 46 keluarga di FELDA Jelai 4 dekat sini, dipindahkan ke pusat penempatan sementara apabila rumah mereka ditenggelami banjir selepas hujan lebat kira-kira enam jam, mulai jam 4 petang kelmarin.

Air Sungai Muar yang melimpahi tebing menyebabkan tanah rancangan itu dinaiki air setinggi antara 0.75 hingga satu meter.

Beberapa agensi penyelamat seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan polis mengambil masa hampir dua jam untuk memindahkan mangsa ke penempatan sementara di Sekolah Agama Rakyat berdekatan, kira-kira jam 11 malam kelmarin.



Setakat ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah membuka pusat pemindahan dan bantuan makanan turut disalurkan kepada mangsa

Ahmad Fisol Md Nor
Pengerusi Bencana Alam Daerah Kubang Pasu

● BERNAMA



KEADAAN sebuah teksi yang terbalik akibat dihanyutkan banjir di Kampung Bukit Sungai Puteh, Ampang, semalam.